

**Persepsi Pelajar Islam Fakulti Pendidikan Terhadap Isu Penukaran Agama (Murtad)**  
Aminuddin Ruskam Al-Dawamy & Masrinah Maslih  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini dilakukan untuk mengkaji persepsi pelajar Islam Fakulti Pendidikan terhadap isu penukaran agama (murtad). Populasi kajian ini adalah seramai 439 pelajar dari 14 kursus yang berlainan. Pemilihan sampel secara rawak mudah telah dilakukan dan seramai 132 pelajar telah dipilih sebagai responden. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi 40 item sebagai instrumen kajian. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Social Sciences* (SPSS). Nilai kebolehpercayaan soal selidik ini ialah  $\alpha = 0.864$ . Min untuk mengkaji kepekaan pelajar Islam Fakulti Pendidikan terhadap isu penukaran agama ialah 4.54. Seterusnya, untuk mengetahui pengetahuan pelajar terhadap faktor-faktor dalaman yang mendorong kepada murtad menunjukkan min sebanyak 4.19, manakala pengetahuan terhadap faktor-faktor luaran pula ialah 4.09. Min bagi mengenalpasti kefahaman pelajar mengenai kesan-kesan daripada penukaran agama ialah 4.24. Kajian menunjukkan pelajar bimbang terhadap pertambahan kes murtad. Beberapa cadangan juga dikemukakan bagi mengatasi masalah murtad ini antaranya ialah ibu bapa hendaklah menekankan pendidikan agama kepada anak-anak sejak dari peringkat awal lagi.

*Katakunci :* pelajar Islam, isu penukaran agama

### **Pengenalan**

Agama Islam adalah agama yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Antara rahmatnya ialah Islam menganjurkan konsep kebebasan beragama. Ini bermakna setiap individu di dunia ini bebas memilih agama yang diyakininya, walaupun Islam sahaja adalah agama yang benar. Islam sama sekali tidak memaksa sesiapa supaya menganutinya (Arief Salleh Rosman, 2001:1). Namun demikian, sekiranya seseorang itu telah menerima Islam, maka dia diwajibkan agar melaksanakan segala kewajipan yang diwajibkan oleh Islam terhadap penganutnya. Seseorang Muslim juga dilarang keras keluar daripada Islam (murtad) dan hukuman yang wajib dikenakan kepada orang murtad adalah hukum bunuh sekiranya sah kemurtadannya. Walaupun telah jelas di dalam Islam menukar agama merupakan satu perbuatan yang dikutuk oleh Allah, namun demikian masih ada permohonan untuk menukar agama sehinggakan ia telah menjadi satu isu yang menimbulkan keresahan yang menakutkan kepada umat Islam kerana mampu menggugat keamanan negara. Justeru, jika masalah ini tidak dibendung dikhuatiri rahmat yang dibawa oleh Islam tidak dapat lagi dikecapi oleh umatnya kerana salah satu *maqasid syar'iyah* yang perlu dijaga semakin terganggu disebabkan oleh pelbagai faktor.

### **Pernyataan Masalah**

Masalah penukaran agama yang semakin berleluasa kini, sewajarnya mendapat perhatian daripada semua pihak. Namun demikian, pertambahan kes murtad dari masa ke semasa sebagaimana yang digambarkan pada bahagian latar belakang masalah, seolah-olah mencerminkan ketidakprihatinan pelbagai pihak terhadap isu ini. Malahan institusi pengajian tinggi (IPT) yang diharapkan dapat melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang bukan sahaja berilmu tetapi juga mempunyai jati diri yang tinggi turut dicatatkan terlibat dalam kes ini. Harian

Metro bertarikh 20 Mei 2007 misalnya, menceritakan tujuh penuntut IPT murtad dalam tempoh dua tahun. Apa yang pastinya cerita murtad di IPT bukanlah satu cerita yang baru.

Oleh itu, kajian ini adalah perlu bagi mengkaji sejauhmana kepekaan atau sensitiviti pelajar sebagai satu anggota masyarakat yang penting terhadap isu penukaran agama ini, di samping pengetahuan mereka terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada berleluasanya isu ini serta kefahaman mereka terhadap kesan penukaran agama terhadap diri individu yang terbabit dalam masalah ini.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

1. Mengkaji sejauhmana tahap kepekaan pelajar terhadap isu penukaran agama (murtad).
2. Mengetahui pengetahuan pelajar terhadap faktor-faktor dalaman yang mendorong kepada penukaran agama (murtad).
3. Mengetahui pengetahuan pelajar terhadap faktor-faktor luaran yang mendorong kepada penukaran agama (murtad).
4. Mengenal pasti kefahaman pelajar terhadap kesan daripada penukaran agama (murtad).

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan agar dapat memberi manfaat kepada masyarakat umumnya dan khususnya kepada golongan pelajar Islam, ibu bapa, pihak universiti dan pihak pemerintah.

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada golongan pelajar Islam sebagai bakal pewaris kepimpinan yang ada sekarang ini, agar peka terhadap isu penukaran agama yang semakin berleluasa kini dengan memahami mengenai murtad. Kefahaman ini bukan sahaja berperanan sebagai benteng pertahanan untuk diri sendiri tetapi juga dapat dimanfaatkan dalam membantu membanteras gejala ini. Tambahan pula, murtad tidak dipandang sebagai masalah perseorangan sahaja tetapi juga merupakan masalah umat Islam seluruhnya.

Kajian ini juga memberi peringatan kepada ibubapa agar berusaha menanamkan akidah yang benar kepada anak-anak sejak dari kecil serta senantiasa membuat pemantauan terhadap anak-anak dari masa ke semasa selagi mereka berkemampuan di sepanjang hayat mereka. Sesungguhnya akidah yang benar yang diterap daripada peringkat kanak-kanak dapat memantapkan iman dan pegangan hidup seseorang apabila dewasa kelak.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pihak universiti bertindak di peringkat universiti dalam membantu menangani permasalahan ini dengan memperhebatkan kempen-kempen anti murtad di peringkat universiti, memperbanyakkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan murtad serta menggalakkan penyelidikan dalam masalah ini

Kajian ini juga dapat diaplikasikan oleh pihak pemerintah agar tidak memandang remeh terhadap kes ini kerana akibatnya amat buruk bukan sahaja kepada negara tetapi juga kewibawaan agama Islam itu sendiri sebagai satu *maqasid syar'iyah* yang wajib dipertahankan. Pihak kerajaan patut mengambil sikap yang lebih serius dalam menangani masalah ini, seperti menyediakan peruntukan undang-undang khas dan penguatkuasaan terhadap undang-undang tersebut bukan sahaja yang berkaitan dengan murtad tetapi juga jenayah yang lain.

Menyedarkan kepada masyarakat umumnya serta pihak pemerintah khususnya, sesungguhnya pelaksanaan syari'at Islam di negara ini adalah jalan penyelesaian yang terbaik dan yang paling terjamin kejayaannya. Selagi sya'riat Islam tidak dilaksanakan dan selagi

kekuasaan Islam sebagai pelindung dan pelaksanaannya belum tegak di negara kita, maka umat Islam akan dilanda pelbagai masalah jenayah antaranya masalah murtad.

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah kaedah deskriptif. Kaedah ini merupakan penyelidikan yang bermatlamatkan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku, kaedah soal selidik digunakan. Kaedah ini dipilih kerana akan menghasilkan maklumat yang lebih tepat. Tambahan pula, kaedah ini menepati pandangan yang diberikan oleh Mohamad Najib bahawa kajian menggunakan soal selidik sesuai digunakan dalam penyelidikan. Soal selidik digunakan bagi mengkaji sikap, persepsi dan pandangan, selain latar belakang. Malah data yang diperolehi juga dapat diproses dengan mudah untuk dianalisis (Mohd Najib, 2003:88). Semua maklumat yang diperolehi akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan ditafsirkan secara kuantitatif. Sampel kajian telah dipilih mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Satu set soal selidik telah diedarkan kepada sampel kajian untuk memperolehi data mengenai persepsi terhadap isu penukaran agama (murtad). Kemudiannya, soal selidik itu diserahkan kembali untuk dianalisis bagi mendapatkan dapatan, dibuat rumusan dan memberi cadangan yang mungkin dapat membantu mengemaskinikan kajian ini.

### **Populasi dan sampel kajian**

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada 439 orang pelajar Islam tahun 4 sesi 2007/2008 dalam 14 kursus. Rasional pemilihan pelajar Islam sahaja dalam kajian ini ialah isu murtad merupakan isu yang melibatkan kepada penjagaan agama, maka sewajarnya setiap pelajar Islam peka mengenai hal ini. Berikut merupakan jumlah populasi bagi setiap kursus:

#### **Jadual 3.1: Jumlah Populasi Mengikut Kursus**

Bil	Kursus	Pelajar Tahun 4
1	SM Teknologi serta Pendidikan Kejuruteraan Awam (SPA)	27
2	SM Sains serta Pendidikan Kimia( SPC)	26
3	SM Sains serta Pendidikan Kejuruteraan Elektrik (SPE)	26
4	SM Sains serta Pendidikan Kemahiran Hidup( SPH)	66
5	SM Sains dan Komputer serta Pendidikan Kimia( SPK)	26
6	SM Sains serta Pendidikan Bahasa Inggeris( SPL)	34
7	SM Sains serta Pendidikan Matematik( SPM)	34
8	SM Sains serta Pendidikan Sains( SPN)	26
9	SM Sains serta Pendidikan Sains Pengajian Islam (SPI)	49
10	SM Sains dan Komputer serta Pendidikan Fizik ( SPP)	12
11	SM Sains serta Pendidikan Fizik ( SPF)	25
12	SM Sains serta Pendidikan Sains Sukan( SPS)	45
13	SM Sains dan Komputer serta Pendidikan Matematik( SPT)	35
14	SM Sains dan Teknologi Kejuruteraan Awam(SPJ)	8
<b>JUMLAH</b>		<b>439</b>

(Sumber: Pejabat Akademik Fakulti Pendidikan)

Menurut Mohd Najib Abd.Ghafar (2003:38) persampelan diambil 30% daripada jumlah populasi adalah sudah mencukupi. Sampel merupakan kajian yang melibatkan penghuraian keseluruhan kepada satu populasi sebagai mewakili penerangan yang tepat tentang dengan populasi. Penyelidik memilih secara rawak disemua kursus untuk dijadikan sampel kajian. Sampel kajian tersebut berjumlah 132 dari populasi seramai 439 pelajar.

### **Instrumen Kajian**

Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan maklum balas dan pengumpulan data. Pemilihan instrumen ini bersesuaian dengan pandangan yang diberikan oleh Mohd Majid Konting (2005: 202) yang menyatakan bahawa soal selidik digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya.

Penyelidik juga dapat menjimatkan masa, tenaga, perbelanjaan serta mendapat hasil dapatan kajian pada masa yang singkat berbanding kaedah temubual. Penyelidik menggunakan instrumen kajian berbentuk soal selidik kerana ia dapat membantu mempertingkatkan ketepatan dan kebenaran yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh penyelidik (Mohamad Najib, 1999:186). Soal selidik yang diedarkan kepada responden adalah dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan sorotan kajian di mana setiap itemnya adalah cabangan dari persoalan kajian. Kemudiannya soal selidik tersebut dimurnikan semula oleh pensyarah pembimbing sebelum diedarkan kepada responden.

Soal selidik yang digunakan mengandungi 5 bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D dan bahagian E.

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Tujuan diadakan kajian rintis adalah untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik. Item-item soal selidik ini juga disemak oleh penyelia bagi memastikan tahap kebolehpercayaan adalah tinggi. Oleh sebab soalan-soalan soal selidik ini dibina sendiri oleh penyelidik, maka penyelidik perlu menjalankan kajian rintis terlebih dahulu untuk mengetahui kesahan dan kebolehpercayaannya sebelum borang soal selidik tersebut diedarkan kepada sampel sebenar. Di samping itu, kajian rintis ini juga adalah untuk memastikan soal selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti.

Penyelidik menjalankan kajian rintis ke atas sepuluh orang pelajar yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti sampel yang sebenar. Kajian rintis ini dijalankan terhadap pelajar Islam Fakulti Pendidikan tahun tiga, 2 pelajar lelaki dan 8 pelajar perempuan yang dipilih secara rawak sebagai pengujian kepada soal selidik ini. Hasil daripada kajian rintis ini, beberapa item yang dirasakan tidak memenuhi piawaian akan diubahsuai bagi memastikan tahap kebolehpercayaan item adalah berada pada tahap tinggi untuk digunakan pada kajian sebenar.

Setelah proses kajian rintis selesai, data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package For Social Science (SPSS) for window versi 12.0*. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:74) keputusan nilai alpha 0.8 adalah tinggi dan menunjukkan soal selidik tersebut boleh diguna pakai. Berdasarkan hasil kajian rintis yang telah dijalankan oleh penyelidik, nilai alpha yang diperolehi ialah 0.864. Ini bermakna soal selidik ini boleh diguna pakai untuk sampel sebenar.

## **Dapatan Keseluruhan**

Berdasarkan jadual 1 menunjukkan taburan data bagi mengetahui pengetahuan pelajar terhadap faktor-faktor luaran yang mendorong kepada penukaran agama.

**Jadual 1** : Dapatan Kajian Bagi Mengetahui Pengetahuan Pelajar Terhadap Faktor-Faktor Luaran yang Mendorong kepada Penukaran Agama (murtad).

No Item	Perkara	Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
21	Ketiadaan undang-undang yang tegas merupakan faktor utama yang menyumbang kepada penukaran agama	122	92.4	9	6.8	1	0.8	4.41
22	Kelambatan mahkamah menangani masalah murtad menyebabkan masalah ini semakin meruncing.	122	92.4	8	6.1	2	1.5	4.42
23	Negara kita tidak mengamalkan undang-undang Islam menyebabkan kes pertukaran agama semakin bertambah.	100	75.8	16	12.1	16	12.1	4.06
24	Bekerja dengan organisasi bukan Islam boleh mendorong kepada pertukaran agama	59	44.7	33	25.0	40	30.3	3.24
25	Tidak ada peruntukan khas undang-undang menghalang seseorang itu daripada murtad daripada Islam.	92	69.7	29	22.0	11	8.4	3.91
26	Perlembagaan persekutuan tidak mampu untuk membendung gejala penukaran agama.	94	71.2	26	19.7	12	9.1	3.98
27	Undang-undang Mahkamah Syariah tidak boleh bertentangan dengan perlembagaan persekutuan.	80	60.6	40	30.3	12	9.1	3.74
28	Gerakar kristianisasi mengambil peluang daripada kesempitan hidup seseorang untuk menyebarkan dakwah mereka.	123	93.2	8	6.1	1	0.8	4.37
29	Gerakar kristianisasi memberi perhatian terhadap hal ketajikan dalam menarik orang memasuki agama mereka.	125	94.7	7	5.3	-	-	4.39
30	Kurangnya dakwah Islam yang berkesan membuatkan kes penukaran agama ini semakin bertambah.	117	88.7	13	9.8	2	1.5	4.36
<b>Min Keseluruhan</b>								<b>4.09</b>

Hasil dapatan item 29 menunjukkan nilai skor min yang tertinggi iaitu 4.39. Sebanyak 94.7% adalah setuju dan 5.3 % adalah tidak pasti. Tiada responden yang memberi maklum balas tidak setuju terhadap item 29 ini. Kemudian diikuti item 28 yang juga mempunyai perkaitan dengan item 29 iaitu mengenai “Gerakan Kristianisasi” iaitu 93.2% setuju, 6.1% tidak pasti, 0.8% tidak setuju dan minnya ialah 4.37. Seterusnya item 21 dan 22 mencatatkan peratusan setuju yang sama iaitu 92.4%, namun berbeza pada peratusan tidak pasti dan tidak setuju. Min bagi item 22 ialah 4.42 dan item 21 ialah 4.41. Item seterusnya ialah yang berkaitan dengan

“faktor kurangnya dakwah yang berkesan” iaitu 89.0% yang setuju, 9.8% tidak pasti dan 1.5% tidak pasti. Seterusnya item 23 iaitu 75.8% setuju, 12.1% tidak pasti, 12.2% tidak pasti dan minnya ialah 4.06. Item ini berkaitan dengan “tidak mengamalkan undang-undang Islam”. Kemudian diikuti item 26 yang berkaitan dengan “Perlembagaan Persekutuan” iaitu 71.2% setuju, 19.7% setuju, 9.1% tidak pasti dan minnya ialah 3.98. Item seterusnya ialah item 25 iaitu 68.7% setuju, 22.0% tidak pasti dan 8.4% tidak setuju. Min bagi item ini ialah 3.91. Faktor seterusnya iaitu item 27 juga berkaitan dengan “Perlembagaan Persekutuan” iaitu 60.6% setuju, 30.3% tidak pasti dan 9.1% tidak setuju. Min bagi item ini ialah 3.74

Dapatan kajian menunjukkan item 24 adalah sederhana dan terendah pada bahagian ini dengan skor min 3.24. Terdapat sebanyak 43.0% maklum balas adalah setuju bahawa “berkerja dengan organisasi bukan Islam boleh mendorong kepada penukaran agama” merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada penukaran agama. Namun begitu, sebanyak 25.4% adalah tidak pasti dan 41% memberi maklum balas tidak setuju. Min bagi item ini ialah 3.24. Purata min keseluruhan bagi bahagian ini ialah tinggi dengan nilai 4.09.

Merujuk jadual 2 menunjukkan taburan data untuk mengetahui pengetahuan pelajar terhadap faktor-faktor dalaman yang mendorong kepada penukaran agama. Terdapat 10 soalan yang digunakan untuk mengukur pernyataan ini.

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa item 19 yang berkaitan dengan “kejahilan” merupakan item yang paling tinggi iaitu mencatatkan peratusan setuju 98.5%, tidak pasti 0.8% dan tidak setuju 0.8% sahaja. Nilai min bagi item 19 ialah 4.60. Hasil kajian mendapati nilai min yang terendah pada bahagian ini ialah item 15 yang berkaitan dengan “krisis rumahtangga” iaitu sebanyak 3.63. Peratusan setuju adalah sebanyak 60.6%, manakala peratus tidak pasti sebanyak 22.0% dan peratus tidak setuju ialah 17.4%.

Item 11 memperlihatkan peratusan setuju kedua yang tinggi iaitu 97.7% dan 2.3% yang tidak pasti serta min bagi “faktor kurangnya didikan agama” ialah 4.51. Seterusnya item 12 berkaitan “faktor percintaan” iaitu 90.9% setuju, 7.6% tidak pasti, 1.5% tidak setuju dan minnya ialah 4.41. kemudian item 18 iaitu 90.9% setuju, 5.3% tidak pasti, 3.8% tidak setuju dan minnya ialah 4.35. Item ini adalah mengenai “faktor hiburan yang melampau”. Seterusnya diikuti “faktor penceraihan dikalangan saudara baru” iaitu 84.8 % setuju, 9.1% tidak pasti , 6.1% tidak setuju serta minnya ialah 4.25. Kemudian diikuti item 16 iaitu 81.8% setuju, 12.1% tidak pasti, 6.1% tidak setuju dan minnya ialah 4.19. Peratusan kedua terendah pula ialah item 13 iaitu 62.1% setuju, 26.5 % tidak pasti, 11.4% tidak setuju dan minnya ialah 3.79. Min keseluruhan bagi bahagian ini ialah pada tahap yang tinggi iaitu 4.19.

**Jadual 2:** Dapatan Kajian Bagi Mengetahui Pengetahuan Pelajar Terhadap Faktor-Faktor Dalaman Yang Mendorong kepada Penukaran Agama (murtad).

No Item	Perkara	Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
11	Kurangnya didikan agama boleh menyebabkan seseorang itu mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang membawa kepada murtad	129	97.7	3	2.3	-	-	4.51
12	Faktor percintaan antara yang berlainan agama boleh mendorong seseorang itu menukar agama mengikut pasangannya	120	90.9	10	7.6	2	1.5	4.41
13	Masalah kewangan dikalangan pelajar IPT telah mendorong mereka untuk murtad.	82	62.1	35	26.5	15	11.4	3.79
14	Masalah kemiskinan menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan gerakan kristinisasi.	98	74.2	25	18.9	9	6.8	3.95
15	Krisis rumah tangga boleh mendorong kepada murtad.	80	60.6	29	22.0	23	17.4	3.63
16	Bersekedudukan secara haram antara pasangan Islam dan bukan Islam sehingga melahirkan anak mendorong kepada penukaran agama.	108	81.8	16	12.1	8	6.1	4.19
17	Anak-anak yang dibiarkan bergaul tanpa mengira batas agama boleh membawa kepada murtad.	112	84.9	11	8.3	9	6.8	4.23
18	Terpengaruh dengan hiburan yang melampau boleh mendorong untuk murtad.	120	90.9	7	5.3	5	3.8	4.35
19	Kejahilan terhadap agama mendorong untuk murtad.	130	98.5	1	0.8	1	0.8	4.60
20	Penceraian dikalangan saudara baru boleh membawa kepada murtad.	112	84.8	12	9.1	8	6.1	4.25
<b>Min Keseluruhan</b>								<b>4.19</b>

## Rumusan

Sebanyak 10 item telah dikemukakan melalui soal selidik untuk mendapat maklum balas bagi objektif pertama iaitu untuk mengkaji sejauhmana tahap kepekaan pelajar terhadap isu penukaran agama (murtad) yang berlaku di negara kita. Berdasarkan analisis dari Bab IV pada Bahagian B menunjukkan bahawa responden peka terhadap isu penukaran agama ini. Ini dapat dilihat apabila semua responden menyatakan kebimbangan terhadap pertambahan kes murtad di negara kita. Realiti ini dapat dilihat melalui dakwaan Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria



bahawa bilangan orang murtad di Malaysia telah mencapai angka 100 000 (Berita Harian, 13 Julai 2006). Ini juga selari dengan kenyataan Prof Dr Aziz Bari, seorang pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mengatakan soal sama ada angka tersebut tepat atau sebaliknya tidak perlu menjadi punca perbalahan, kerana yang pastinya masalah orang murtad sudah semakin membarah (2006:26). Di samping itu, responden turut memberi maklum balas positif yang tinggi terhadap isu yang berkaitan dengan “tindakan Lina Joy memohon menggugurkan perkataan Islam dalam MyKadnya sepatutnya dikendalikan di Mahkamah Syariah” iaitu 96.2 %. Isu Lina Joy ini pernah menjadi topik perbincangan sama ada media elektronik atau media cetak pada suatu ketika. Oleh itu, wajarlah responden masih peka terhadap isu ini. Malahan, kes Lina Joy ini menarik perhatian dunia apabila wanita ini dengan lantangnya mencabar integriti Islam demi untuk menggugurkan perkataan Islam dalam MyKadnya (Ikbal Salam, 2007:9).

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa responden memahami bahawa “isu penukaran agama begitu menyentuh sensitiviti masyarakat Islam sekiranya dibiarkan”, “isu penukaran agama boleh menjejaskan keharmonian negara” dan “isu penukaran agama adalah satu isu sensitif di negara kita”. Perkara ini dapat difahami dengan jelas daripada kata-kata Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Mohammad Abdullah berkaitan dengan perbicaraan Kes Murtad Kamariah Ali iaitu “kesalahan yang dilakukan Kamariah begitu serius dan perlu dipandang berat kerana perbuatannya itu terlalu sensitif di negara ini yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama” (Berita Harian, 4 Mac 2008:20). Malahan menurut Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Ustaz Haji Mokhtar Haji Ridzwan, isu murtad di Malaysia boleh mencetuskan huru-hara dan masalah perkauman sebagai contohnya sejarah Natrah sehingga menyebabkan pertumpahan darah (Salina Ibrahim, 1999:52). Soalan kedua, keempat dan pertama ini adalah untuk melihat kepastian responden dalam memberikan maklum balas yang menunjukkan kepekaan mereka terhadap kesan negatif daripada penukaran agama ini kepada negara.

Untuk mengetahui pengetahuan pelajar mengenai faktor-faktor dalaman yang mendorong kepada penukaran agama 10 soalan yang berkaitan telah dikemukakan. Berdasarkan analisis dari Bab IV pada Bahagian B menunjukkan bahawa responden mengetahui faktor-faktor dalaman yang boleh mempengaruhi seseorang itu murtad. Namun demikian terdapat beberapa item soalan yang menunjukkan jumlah yang ketara bilangan respondennya memilih bagi maksud tidak pasti dan tidak setuju dengan faktor tersebut. Ini dapat dilihat dalam pernyataan “krisis rumah tangga boleh mendorong kepada murtad” iaitu 29 responden (22.0%) tidak pasti dan 23 responden (17.4%) tidak setuju serta min bagi item ini adalah menunjukkan tahap sedarhana iaitu 3.63. Begitu juga dengan pernyataan “masalah kewangan dikalangan pelajar IPT telah mendorong mereka untuk murtad”, 35 responden (26.5%) memilih tidak pasti dan 15 responden (11.4%) memilih tidak setuju. Jumlah ini adalah hampir separuh daripada bilangan responden.

Selain itu, responden juga ramai yang mengetahui tentang “faktor percintaan antara yang berlainan agama boleh mendorong seseorang itu menukar agama” iaitu 90.9 peratus. Benarlah kata-kata yang mengatakan bahawa “cinta itu adalah buta”. Ini disokong lagi dengan 81.8% responden bersetuju bahawa “bersekedudukan secara haram antara pasangan Islam dan bukan Islam sehingga melahirkan anak mendorong kepada penukaran agama”. Kajian ini menyokong penulisan Muhammad Isa Selamat dan Ahmad M.A.Ghaffar (1998:57) bahawa akibat perasaan cinta yang membara di dalam hati sanubari, seseorang itu sanggup menggadaikan maruah diri seterusnya agama demi cinta tersebut.

Begitu juga dengan item “terpengaruh dengan hiburan yang melampau boleh mendorong untuk murtad” juga mencatatkan 90.9% responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kajian ini

turut disokong oleh Pusat penyelidikan PAS (2007:%) yang menggariskan antara sebab seseorang itu mudah murtad pada hari ini ialah generasi muda dilalaikan dengan program-program hiburan dan rancangan-rancangan yang melalaikan serta aktiviti bersifat hedonistik. Seterusnya 84.8% responden memilih bersetuju dengan item yang menyatakan “penceraian di kalangan saudara baru boleh membawa kepada murtad”. Ini selari dengan hasil kajian yang diperolehi oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang mendapati apabila seseorang India memeluk agama Islam kerana ingin berkahwin maka perkahwinan itulah juga yang menjadi penyebab kepada kemurtadannya.

Untuk mengetahui pengetahuan pelajar mengenai faktor-faktor luaran yang mendorong kepada penukaran agama 10 soalan yang berkaitan telah dikemukakan. Faktor utama yang dipilih oleh responden adalah yang berkaitan dengan Gerakan Kristianisasi. Terdapat dua item yang berkaitan dengan faktor ini iaitu “Gerakan Kristianisasi memberi perhatian terhadap hal kebajikan dalam menarik orang memasuki agama mereka” dan “Gerakan Kristianisasi mengambil peluang daripada kesempitan hidup seseorang untuk menyebarkan dakwah mereka”. Masing-masing item ini mencatatkan responden bersetuju seramai 94.7% dan 93.2% iaitu satu jumlah yang hampir sama. Ini kerana kedua-dua item ini mempunyai perkaitan yang rapat antara satu sama lain. Ini menunjukkan responden mengetahui wujudnya Gerakan Kristianisasi serta taktik mereka dalam menarik orang ramai masuk dalam agama mereka. Tambahan pula, sejarah Kristianisasi di Malaysia bukanlah sejarah baru malahan ianya telah berlaku semenjak kedatangan portugis ke Melaka pada tahun 1509 (Muhammad Isa Selamat dan Ahmad M.A.Ghaffar,1998:50). Dapatan kajian yang dijalankan oleh Ab. Razak bin Aripin (1999:40) juga mendapati kebanyakan responden dalam kajiannya iaitu 84% daripada 100 respondennya mengetahui faktor didakwah oleh orang bukan Islam boleh mendorong kepada murtad. Oleh itu, faktor Gerakan Kristianisasi dalam kes murtad bukanlah satu perkara yang asing bagi responden.

Ini disokong lagi dengan pernyataan “negara kita tidak mengamalkan undang-undang Islam menyebabkan kes penukaran agama semakin bertambah” iaitu seramai 75.8% responden. Sesuailah dengan ketegasan Islam dalam berhadapan dengan masalah murtad iaitu hukuman bunuh setelah sah kemurtadannya. Oleh itu, tidak hairanlah apabila kes murtad semakin meningkat di negara kita kesan daripada ketidaktegasan undang-undang yang ada dalam menghadapi masalah murtad sebagaimana yang telah digariskan dalam syariat Islam. Ini bermakna “Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi persekutuan tidak mampu untuk membendung gejala murtad ini”. Item ini turut disetujui oleh 71.2% responden. Bahkan menurut Abdul Monir Yaacob (1996:113), Perlembagaan Persekutuan merupakan halangan bagi mengadakan undang-undang kesalahan “Murtad”. Kesannya dapat dilihat dengan jelas apabila kerajaan Kelantan tidak ada ruang untuk melaksanakan enakman hudud yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25 November, 1993. Malahan Menteri Besar Kelantan turut mengakui bahawa pelaksanaan enakman tersebut tidak dapat dilakukan melainkan dibuat pemindaan kepada Perlembagaan Persekutuan (Abdul Halim El-Muhamady, 2005:161).

## **Rujukan**

- Arieff Salleh Rosman (2001). *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahya, Sharin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan:Teori, Analisis & Interpretasi Data*.Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Basri bin Ibrahim (1999). *Murtad punca-punca dan cara mengatasinya mengikut perspektif Islam*. Johor Baharu: Camtech Marketing Sdn.Bhd.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007). *Ajaran Sesat Mengenali Jalan Yang Terpesong*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Fatimah Sulaiman.(1999) *Tegahan Pengurusan Harta: Kajian Perbandingan Antara Syariat Islam Dengan Undang-Undang Sivil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ghazali Basri (1996). *Kristianisasi Sebagai Sebuah Gerakan Satu Tinjauan Sosiologi*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.

Hassan Salleh (1993). *Asas Kekeluargaan Islam Bahasan Empat Mazhab: Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lutfi Mustafa El-Batnani (1997). *Pandangan Negatif Barat Terhadap Islam*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Mohd Majid Kontang (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.

Universiti Teknologi Malaysia (2002). *Panduan Menulis Tesis*. Perpustakaan Sultanah Zanariah.

William Wiersma (1969). *Research Methods in Education an Introduction*. United States of America: Adriaance Onderdonk Dudden.

Yusof Al-Qardhawi, Dr. terj. Abdullah Al-Qari Salleh (2001). *Punca-Punca Murtad Dan Akta Murtad*. Selangor: Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd.

Yusof Al-Qardhawi, Dr. terj. Zaharan Mohamed dan Mohd Awhir Yaacob (2000). *Jenayah Murtad Dan Hukumannya Menurut Perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. Shah Alam: Rmi Multimedia Publishing

Zaini Nasohah (2004). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia sebelum dan menjelang merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.